



Jabatan Bantuan Guaman

TUNTUTAN GANTI RUGI BAGI KES KEMALANGAN JALAN RAYA



www.jbg.gov.my

[jabatanbantuanguaman](#)

4.

Siapakah yang akan membayar ganti rugi yang dituntut?

Sekiranya pihak yang menanggung liabiliti dilindungi oleh syarikat insurans, subseksyen 96(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] memperuntukkan bahawa penghakiman/perintah mahkamah berkenaan tuntutan ganti rugi berkenaan perlu dijelaskan oleh syarikat insurans yang melindungi kenderaan tersebut.



5.

Sekiranya pihak-pihak tidak dilindungi oleh syarikat insurans, apakah tindakan yang perlu diambil selepas kemalangan berlaku?

Sekiranya kenderaan tidak dilindungi oleh mana-mana syarikat insurans, pemilik kereta akan menanggung sendiri apa-apa kos kerugian sama ada yang melibatkan kerosakan kenderaan atau kecederaan.

Pihak menuntut, pihak ketiga dan/atau pihak lain boleh menuntut kos ganti rugi sama ada melibatkan kerosakan kenderaan atau kecederaan secara terus kepada pihak yang menanggung liabiliti. Pihak yang menanggung liabiliti boleh dinamakan sebagai pihak-pihak yang dituntut dalam tuntutan ganti rugi yang difaikan ke mahkamah.

6.

Apakah peranan Jabatan Bantuan Guaman dalam kes tuntutan ganti rugi kemalangan?

Jabatan Bantuan Guaman berperanan untuk memberi khidmat nasihat guaman kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam kemalangan. Selanjutnya tertakluk kepada pertimbangan terhadap merit kes serta ujian kemampuan yang telah ditetapkan, Jabatan Bantuan Guaman juga boleh memberi khidmat bantuan guaman bagi mewakili pemohon dalam kes tuntutan ganti rugi kemalangan. Pemohon yang berkelayakan boleh hadir ke cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan dengan membawa dokumen-dokumen yang berkaitan.



7.

Apakah dokumen yang perlu dibawa bersama ke Jabatan Bantuan Guaman bagi kes tuntutan ganti rugi kemalangan?

Antara dokumen yang perlu dibawa semasa hadir ke Jabatan Bantuan Guaman adalah seperti berikut:

- (a) Laporan polis berkaitan dengan kemalangan;
- (b) Laporan perubatan daripada klinik/hospital dan surat cuti sakit sekiranya ada;
- (c) Gambar kecederaan/kerosakan kenderaan yang dialami;
- (d) Semua resit perbelanjaan sama ada untuk merawat kecederaan/membaiki kerosakan kenderaan;
- (e) Sijil kematian dan laporan perubatan/autopsi bagi kemalangan yang melibatkan kematian; dan
- (f) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

IBU PEJABAT:
JABATAN BANTUAN GUAMAN
ARAS 1,
BANGUNAN HAL EHWAH UNDANG-UNDANG,
PRESINT 3,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62692 PUTRAJAYA

NO. TELEFON:
03-88851827 (Sivil) | 03-88851826 (Syariah)
NO. FAKSIMILE: 03-88851829/1830/1831
PORTAL: www.jbg.gov.my

CATATAN:
RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

1.

Apakah tindakan yang perlu diambil selepas kemalangan berlaku?



Antara tindakan yang perlu diambil adalah seperti yang berikut:

- (a) catat nama dan alamat pemandu/penunggang lain, model dan nombor pendaftaran kenderaan yang terlibat dalam kemalangan tersebut;
- (b) catat nama dan alamat saksi-saksi kemalangan (sekiranya ada);
- (c) ambil gambar lokasi kejadian serta kemalangan dan kerosakan kenderaan yang terlibat;
- (d) pastikan laporan polis dibuat dengan segera iaitu dalam tempoh dua puluh empat jam (24) jam dari waktu kemalangan;
- (e) sekiranya pemandu/penunggang masih dirawat di hospital waris hendaklah membuat laporan pemakluman di balai trafik berdekatan bahawa pemandu/penunggang telah terlibat dengan kemalangan;
- (f) rawatan perubatan di klinik/hospital yang berdekatan serta dapatkan laporan perubatan;
- (g) sekiranya kemalangan melibatkan kematian, dapatkan sijil kematian dan;
- (h) simpan semua resit perbelanjaan yang telah dibelanjakan akibat daripada kemalangan tersebut.

Selanjutnya, sekiranya pihak-pihak yang dilindungi syarikat insurans;

- (i) bertukar maklumat nama syarikat dan ejen insuran/takaful masing-masing
- (j) tidak perlu berbincang terlebih dahulu dengan pihak-pihak yang terlibat dalam kemalangan berkenaan liabiliti kerana dikhawatir akan menimbulkan kesulitan dalam mengendalikan tuntutan kelak;
- (k) jika kenderaan perlu ditunda, pastikan kenderaan tersebut dihantar ke bengkel yang betul. Hubungi syarikat/insurans/takaful atau nombor hotline kemalangan syarikat bagi mendapatkan maklumat bengkel yang betul; dan
- (l) laporkan kemalangan kepada syarikat atau ejen insurans/takaful dengan segera, walaupun tidak berniat untuk membuat sebarang tuntutan. Ini kerana, ada kemungkinan pihak ketiga yang terlibat dalam kemalangan tersebut akan membuat tuntutan insurans kepada syarikat/takaful yang memberi perlindungan insurans kepada mana-mana kenderaan yang terlibat dalam kemalangan tersebut.

2.

Apakah jenis tuntutan ganti rugi kemalangan yang boleh dibuat?

Terdapat tiga (3) jenis tuntutan yang boleh dibuat iaitu:

(i) Tuntutan bagi kemalangan maut

(a) Tuntutan ini boleh dibawa oleh isteri, suami, ibu bapa atau anak si mati yang telah kehilangan pendapatan (*loss of earnings*) akibat kematian si mati yang diakibatkan oleh kemalangan tersebut. Kaedah pengiraan tuntutan adalah sebagaimana dinyatakan dalam Akta Undang-Undang Sivil 1956 [Akta 67]. Pada lazimnya, faktor yang diambil kira dalam menentukan jumlah tuntutan ialah:

- umur si mati;
- status perkahwinan si mati; dan
- jumlah sumbangan si mati (semasa hayatnya) kepada keluarga.



(b) Keluarga si mati juga boleh menuntut ganti rugi atas kesedihan/kedukacitaan (*bereavement*) sejumlah RM 30,000.00.

(c) Kos bagi perbelanjaan untuk pengkebumian (*funeral expenses*) si mati.

(d) Tuntutan harta pusaka si mati boleh diambil oleh pentadbir harta pusaka si mati yang telah dilantik menurut prosedur undang-undang. Tuntutan yang boleh dibuat oleh pentadbir harta pusaka si mati ialah:

- Kos bagi perbelanjaan yang ditanggung untuk merawat kesakitan/menjaga si mati, sekiranya si mati tidak meninggal dunia sebaik sahaja kemalangan berlaku; dan
- Kos yang perlu ditanggung bagi mendapatkan surat kuasa mentadbir berhubung harta pusaka peninggalan si mati.



(ii) Tuntutan bagi kecederaan

Tuntutan ini boleh diambil bagi kes-kes kemalangan yang melibatkan kecederaan. Terdapat dua (2) jenis tuntutan yang boleh dibuat iaitu:

(a) Tuntutan ganti rugi am

Ganti rugi am ialah ganti rugi yang tidak boleh dinilaikan. Jumlah tuntutan ini akan ditaksir oleh mahkamah berpaduan kepada kes-kes yang terdahulu yang telah diputuskan berhubung dengan jumlah ganti rugi yang patut diberikan untuk kecederaan tertentu. Selain itu, sebagai panduan bagi penetapan kuantum ganti rugi, mahkamah boleh membuat rujukan kepada *Compendium of Personal Injury Awards* yang disediakan oleh Majlis Peguam Malaysia.

Jumlah ganti rugi adalah diberikan atas dasar bahawa Pihak Menuntut telah mengalami kesakitan dan penderitaan akibat daripada kemalangan yang dialami. Terdapat keputusan mahkamah yang terdahulu tentang ganti rugi kecederaan yang dialami di bahagian kaki, muka, tangan, mata dan sebagainya yang boleh dirujuk dalam keputusan kes-kes mahkamah yang terdahulu.

(b) Tuntutan ganti rugi khas

Ganti rugi khas ialah ganti rugi yang diberikan atas perbelanjaan/kerugian sebenar yang ditanggung oleh Pihak Menuntut akibat daripada kemalangan yang berlaku. Pihak Menuntut perlu mendapatkan segala resit perbelanjaan bagi membuktikan perbelanjaan yang telah dikeluarkan seperti perbelanjaan untuk perubatan dan rawatan, kehilangan pakaian dan barang, pembayaran untuk laporan polis, laporan perubatan dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan.

(iii) Tuntutan untuk kerosakan kenderaan

Tuntutan untuk kerosakan kenderaan ialah tuntutan bagi menuntut kos atau perbelanjaan bagi membaiki kenderaan yang rosak, kehilangan penggunaan kenderaan untuk jangka masa kenderaan dan jumlah kemerosotan nilai harta kenderaan akibat daripada kemalangan yang berlaku. Pihak Menuntut perlu mendapatkan segala resit perbelanjaan yang berkaitan sebagai bukti bagi memfailkan tuntutan.



Bilakah tuntutan ganti rugi kemalangan boleh dibuat?

Tuntutan ganti rugi kemalangan hendaklah dibuat dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh undang-undang menurut Akta Had Masa 1953 [Akta 254] dan Akta Undang-Undang Sivil 1956 [Akta 67] sebagaimana di bawah:

- (a) Jika tidak melibatkan kematian: enam (6) tahun dari tarikh kemalangan;
- (b) Jika melibatkan kematian: tiga (3) tahun dari tarikh kemalangan (tuntutan boleh dibuat melalui wakil si mati/ pentadbir harta pusaka si mati); dan
- (c) Jika melibatkan pihak Kerajaan Malaysia: tiga (3) tahun dari tarikh kemalangan.